



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PRESTASI PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI ASAS DI DAERAH PORT DICKSON

JEYAGANESH A/L SELLVARAJU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas. Seramai 74 orang pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran tersebut di daerah Port Dickson telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang diguna pakai adalah borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif, korelasi Pearson dan ujian regresi pelbagai. Dapatkan analisis korelasi menunjukkan faktor pencapaian lalu ($r=0.446, p=0.000$), persekitaran sekolah ($r= 0.326, p=0.005$), keluarga($r=0.361, p=0.002$) dan rakan sebaya ($r=0.277, p=0.017$) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Sementara itu, dapatkan analisis regresi pula membuktikan bahawa faktor sikap ($\beta=1.283, p=0.048$) dan pencapaian lalu ($\beta=2.285, p=0.002$) mempengaruhi prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas. Faktor-faktor lain iaitu minat, guru, persekitaran sekolah, keluarga dan rakan sebaya didapati tidak mempengaruhi prestasi mata pelajaran tersebut. Implikasi dapatkan kajian mengetengahkan kepentingan penetapan syarat-syarat yang sesuai bagi pelajar yang ingin mengambil mata pelajaran Ekonomi asas di tingkatan empat. Kajian ini juga turut mencadangkan pelaksanaan sistem mentor-mentee bagi meningkatkan prestasi pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

THE INFLUENCE OF INTERNAL AND EXTERNAL FACTORS ON STUDENTS' PERFORMANCE IN THE BASIC ECONOMICS SUBJECT IN PORT DICKSON DISTRICT

ABSTRACT

The main objective of this study was to analyze the internal and external factors that affect the students' performance in Basic Economics subject. A total of 74 form four students who took that subject were selected as sampel of the study. The questionnaire was used as an instrument of the research. The data were analyzed by using descriptive analysis, Pearson correlation and Multiple regression test. The result of correlation test showed that past achievement ($r=0.446, p=0.000$), school environment ($r= 0.326, p=0.005$), family ($r=0.361, p=0.002$) and peer group ($r=0.277, p=0.017$) have significant positive relationship with student performance in the subject. Furthermore, the results of the regression test proved that attitudes ($\beta=1.283, p=0.048$) and past achievement factors ($\beta=2.285, p=0.002$) affect the performance of students in the Basic Economics subject. Other factors such as interest, teachers, school environment, family and peers did not affect the performance of the subject. Implication of research findings highlighted the importance of setting appropriate conditions for students those wish to take Basic Economic subject in form four. This study also proposed the implementation of mentor-mentee systems to improve students' performance.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv



05-4506832

**SENARAI LAMPIRAN**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kerangka Kajian	8
1.7 Justifikasi Kajian	9
1.8 Limitasi Kajian	10



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Pencapaian	11
1.9.2	Pelajar	11
1.9.3	Guru	12
1.9.4	Persekutaran Sekolah	12
1.9.5	Sikap	13
1.9.6	Minat	14
1.10	Rumusan	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep Pembelajaran	
2.2.1	Definisi Pembelajaran	
2.2.2	Ciri-ciri Pembelajaran	19
2.2.3	Unsur-unsur Pembelajaran	20
2.2.4	Prinsip-prinsip Pembelajaran	22
2.2.5	Subjek Ekonomi Asas	25
2.3	Teori-teori pembelajaran	26
2.3.1	Teori Deskriptif dan Teori Preskriptif	28
2.3.2	Teori Tingkah Laku	29
2.3.3	Teori Kognitif	31
2.3.4	Teori Konstruktivisme	34
2.4	Prestasi Pelajar	35
2.5	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar	36





2.5.1	Faktor Dalaman	37
2.5.1.1	Minat Pelajar	37
2.5.1.2	Sikap Pelajar	38
2.5.1.3	Pencapaian Lalu Pelajar	39
2.5.2	Faktor Luaran	40
2.5.2.1	Guru	40
2.5.2.2	Persekutaran Sekolah	42
2.5.2.3	Keluarga	43
2.5.2.4	Rakan Sebaya	44
2.6	Rumusan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	49
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	51
3.5	Instrumen Kajian	52
3.5.1	Prosedur Pembinaan Instrumen	52
3.5.2	Instrumen: Borang Soal Selidik	53
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	54
3.6.1	Kesahan Instrumen	55
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	56
3.7	Prosedur Kajian	57
3.8	Kajian Rintis	61





3.9	Prosedur Penganalisisan Data	62
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	62
3.9.2	Analisis Normaliti Data	64
3.9.3	Analisis Statistik Inferens	65
3.10	Rumusan	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	69
4.2	Profil Responden	70
4.3	Analisis Deskriptif	73
4.4	Analisis Perbezaan Skor Min	92
4.5	Ujian Normaliti Data	100
4.6	Objektif 1 : Mengenal Pasti Tahap Pencapaian Murid dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas	101
4.7	Analisis Korelasi	103
4.7.1	Objektif 2 : Menentukan Hubungan di antara Faktor Dalaman dengan Prestasi Mata Pelajaran Ekonomi Asas	103
4.7.2	Objektif 3 : Menentukan Hubungan di antara Faktor Luaran dengan Prestasi Mata Pelajaran Ekonomi Asas	104
4.8	Analisis Regresi	106
4.8.1	Objektif 4 : Menganalisis Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas	107
4.9	Rumusan	109





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	110
5.2	Objektif 1 : Mengenal Pasti Tahap Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas	111
5.3	Objektif 2 : Menentukan Hubungan Faktor Dalaman dengan Prestasi Mata Pelajaran Ekonomi Asas	112
5.4	Objektif 3 : Menentukan Hubungan Faktor Luaran dengan Prestasi Mata Pelajaran Ekonomi Asas	113
5.5	Objektif 4 : Menganalisis Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas	115
5.6	Implikasi kajian	116
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	118
5.8	Rumusan	119



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN

121

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Populasi dan Sampel Kajian	51
3.2	Penggunaan Skala Likert dalam Soal Selidik	54
3.3	Taburan Item Sebelum dan Selepas Pengesahan	56
3.4	Analisis Statistik Kebolehpercayaan Item dan Instrumen Soal Selidik Kajian	57
3.5	Skor Min Tahap Pemboleh Ubah	63
3.6	Gred Pencapaian Mengikut Markah	64
3.7	Anggaran Kekuatan Hubungan Antara Dua Pemboleh Ubah	66
3.8	Jadual Ringkasan Pengujian Objektif Kajian	68
4.1	Profil Responden Mengikut Jantina, Bangsa, Tahap Pendidikan Penjaga, Pekerjaan Penjaga dan Pendapatan Isi Rumah	71
4.2	Analisis Deskriptif Faktor Minat	73
4.3	Analisis Deskriptif Faktor Sikap	76
4.4	Analisis Deskriptif Faktor Pencapaian Lalu	80
4.5	Analisis Deskriptif Faktor Guru	82
4.6	Analisis Deskriptif Faktor Persekutaran Sekolah	84
4.7	Analisis Deskriptif Faktor Keluarga	87
4.8	Analisis Deskriptif Rakan Sebaya	89
4.9	Analisis Skor Min Faktor Minat	92
4.10	Analisis Skor Min Faktor Sikap	94



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi



4.11	Analisis Skor Min Faktor Pencapaian Lalu	95
4.12	Analisis Skor Min Faktor Guru	96
4.13	Analisis Skor Min Faktor Persekitaran Sekolah	97
4.14	Analisis Skor Min Faktor Keluarga	98
4.15	Analisis Skor Min Rakan Sebaya	99
4.16	Ujian Normaliti Data Mengikut Faktor	100
4.17	Pencapaian Keputusan Responden dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas dalam Peperiksaan Akhir Tahun.	102
4.18	Nilai Korelasi Faktor Dalaman dengan Prestasi Mata Pelajaran Ekonomi Asas.	103
4.19	Nilai Korelasi Faktor Luaran dengan Prestasi Mata Pelajaran Ekonomi Asas.	105
4.20	Keputusan Ujian Regresi	107





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kajian Ukuran Prestasi Pelajar Ekonomi Asas	8
3.1 Carta Alir Prosedur Kajian	60



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI SINGKATAN

AMA	Assistant Masters Association
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
STPM	Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan** i.edu.myPerpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Secara umumnya, kajian ini memberi fokus kepada faktor yang mempengaruhi prestasi mata pelajaran Ekonomi Asas dalam kalangan pelajar tingkatan 4. Beberapa bahagian sub topik telah dibentuk termasuklah perbincangan mengenai latar belakang, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Selain itu, kepentingan, skop serta definisi boleh ubah turut dibincangkan. Seterusnya, bab ini juga akan mengupas tujuan kajian. Diharap bab ini dapat memberi penjelasan mengenai hala tuju kajian yang dijalankan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Masalah

Kemajuan sesebuah negara pada masa hadapan sangat bergantung kepada keputusan-keputusan ekonomi yang bijak oleh setiap warganegara. Justeru, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang bergerak ke arah mencapai taraf negara maju memerlukan rakyat yang mempunyai pengetahuan tinggi termasuk dalam bidang ekonomi. Selain itu, salah satu cabaran untuk menghadapi wawasan 2020 adalah memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama (Shahril, 1994).

Keutamaan dan kepentingan ilmu ekonomi kepada masyarakat umum sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Ini adalah kerana ilmu ekonomi itu sendiri



dan usahawan untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad. Ilmu ekonomi juga mempunyai beberapa ciri yang menarik dan berkait rapat dengan kehidupan manusia seperti permintaan, penawaran, utiliti, fungsi wang dan sebagainya. Kenyataan ini disokong berdasarkan *Assistant Masters Association* (AMA, 1971) yang menyatakan bahawa ekonomi ialah satu mata pelajaran yang berkaitan dengan masa kini dan masa depan, ia menyentuh segala aspek kehidupan manusia secara mendalam, ia berkait rapat dengan manusia, ia juga mengkaji salah satu aspek tingkah laku manusia.

Bukan setakat itu, kepentingan mata pelajaran Ekonomi juga turut diberi penekanan oleh pihak kerajaan (Chee, 1998). Hal ini boleh dilihat melalui kewujudan pengajian dalam pelbagai pengkhususan dalam bidang ekonomi seperti pengkhususan





ekonomi perniagaan, ekonomi sumber manusia dan ekonomi Islam di institusi tinggi tempatan.(Yahaya, et al., 2002).

Selain di peringkat universiti, mata pelajaran ekonomi turut diajar di peringkat sekolah menengah (Yip,1967). Usaha tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep-konsep ekonomi sebagai langkah untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran mata pelajaran ekonomi di peringkat menengah atas.

Oleh yang demikian, mata pelajaran Ekonomi Asas telah menjadi salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di bawah rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah



untuk menangani masalah pencapaian yang rendah bagi mata pelajaran Mikroekonomi dan Makroekonomi di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di samping kemerosotan bilangan pelajar yang mengambil subjek tersebut.(Ramli Ismail & Marina Awang, 2004).

Kurikulum Ekonomi Asas dibentuk untuk memberikan pengetahuan yang kukuh tentang prinsip-prinsip asas ekonomi kepada pelajar. Tujuannya adalah untuk menyediakan pelajar untuk menyedari isu-isu ekonomi dunia dan mengambil tindakan yang munasabah dalam membentuk masa depan negara. Dengan mempelajari mata pelajaran ini, pelajar dapat bertindak secara rasional semasa berlaku kekangan daripada kekurangan sumber. Selain itu, seseorang individu boleh menjadi pengguna dan pengeluar yang bijaksana dengan adanya pemahaman ekonomi.





Selain itu, dengan mempelajari dan memahami keadaan ekonomi Malaysia, perdagangan antarabangsa serta peranan wang dan institusi kewangan, pelajar dapat mempraktikkan ilmu ekonomi yang dipelajari dalam menangani masalah dalam kehidupan harian dengan berkesan. Melalui mata pelajaran ini juga nilai murni seperti berjimat cermat dalam pengurusan sumber, berdikari, berfikiran rasional dan bekerjasama juga dipupuk. Secara keseluruhannya, sukanan pelajaran Ekonomi Asas digubal untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Walaupun subjek Ekonomi Asas diperkenalkan untuk menangani masalah pencapaian yang rendah dalam subjek ekonomi di peringkat STPM, tetapi pencapaian



Menurut Filmer (1997) kemampuan seseorang pelajar memahami isi pelajaran boleh diukur melalui pencapaian pelajar dalam mata sesuatu mata pelajaran. Selain itu, Chui Seng Young (2007) juga berpendapat bahawa tinggi rendahnya pencapaian akademik adalah menjadi bukti sama ada berjaya atau tidak seseorang pelajar dalam proses pembelajarannya.





1.3 Pernyataan Masalah

Pada amnya, kerajaan telah menyediakan kemudahan asas seperti bilik darjah, buku teks, tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan lain bagi mata pelajaran ekonomi sama seperti mata pelajaran lain. Walaupun begitu, jika dibandingkan dengan subjek dalam bidang kemanusiaan ikhtisas yang lain seperti mata pelajaran perdagangan dan prinsip perakaunan, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas masih tidak menunjukkan keputusan yang memberangsangkan sejak mata pelajaran ini diperkenalkan. (Faridah, 2010).

Masalah keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan bagi subjek Ekonomi Asas bukan sahaja berlaku di peringkat awal sejak ia diperkenalkan, namun



Malah di sesetengah negeri pada tahun tertentu peratus kegagalan dalam subjek ini melebihi peratus lulus. Antara tahun 2006 hingga 2010 peratus gagal bagi subjek Ekonomi Asas di kebanyakan negeri di Malaysia melebihi angka 30 peratus. Pada tahun 2010 misalnya, Negeri Sembilan mempunyai peratus gagal sebanyak 33.5 % (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Keputusan peperiksaan Ekonomi Asas peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dikatakan kurang memberangsangkan kerana peratus pelajar cemerlang iaitu pelajar yang mendapat keputusan A sentiasa kurang daripada 10%. Berdasarkan keputusan SPM Negeri Sembilan, calon yang mendapat gred A pada tahun 2012, 2013, 2014 dan 2015 adalah 9.87%, 7.99%, 8.96% dan 9.56%. Manakala, Indeks gred purata mata pelajaran (GPMP) juga menunjukkan angka yang tidak memuaskan





iaitu 6.50 , 6.83, 6.81 dan 6.61 bagi tahun 2012, 2013, 2014 dan 2015 (Unit Penilaian dan Peperiksaan, JPNS, 2016).

Kelemahan subjek mata pelajaran Ekonomi Asas sering dikaitkan dengan pelbagai masalah seperti pelajar lemah dalam pencapaian akademik, pelajar yang lemah dalam penguasaan kemahiran pengiraan, persepsi pelajar yang negatif terhadap mata pelajaran ini, kaedah pengajaran yang tidak menarik dan waktu pengajaran yang tidak mencukupi (Roziah, 2007).

Selain itu, masalah pencapaian akademik juga sering dikaitkan dengan aspek kendiri pelajar iaitu faktor dalaman diri pelajar itu sendiri seperti kurang aspirasi, menunjukkan semangat yang rendah serta tidak mempunyai motivasi untuk belajar



ekonomi, kemudahan sekolah dan asas akademik pelajar mungkin juga mempengaruhi pencapaian mata pelajaran ini. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti apakah faktor sebenar yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas dari perspektif pelajar.





1.4 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kajian yang dibentuk secara lebih khusus dalam penyelidikan yang dijalankan iaitu untuk:

1. Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.
2. Menentukan hubungan antara faktor dalaman (minat, sikap dan pencapaian lalu dengan prestasi mata pelajaran Ekonomi Asas).
3. Menentukan hubungan antara faktor luaran (guru, persekitaran sekolah, keluarga dan rakan sebaya) dengan prestasi mata pelajaran Ekonomi Asas.
4. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.



1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:


1. Apakah tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas?
2. Adakah terdapat hubungan di antara faktor dalaman (minat, sikap dan pencapaian lalu) dengan prestasi mata pelajaran Ekonomi Asas ?
3. Adakah terdapat hubungan di antara faktor luaran (guru, persekitaran sekolah, keluarga dan rakan sebaya) dengan prestasi mata pelajaran Ekonomi Asas?
4. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas?





1.6 Kerangka Kajian

Dalam kajian ini 2 faktor telah dikenal pasti untuk mengukur prestasi pelajar iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman terdiri daripada 3 aspek iaitu minat, sikap dan pencapaian lalu. Manakala faktor luaran terdiri daripada 4 aspek iaitu guru, persekitaran sekolah, keluarga dan rakan sebaya. Kedua-dua faktor ini akan digunakan untuk mengukur pemboleh ubah bersandar iaitu prestasi pelajar Ekonomi Asas. Justeru bagi tujuan menjelaskan serta menunjukkan perkaitan antara pemboleh ubah kajian, satu kerangka teori yang mendasari kajian telah dibentuk.



Rajah 1.1. Kerangka Kajian Ukuran Prestasi Pelajar Ekonomi Asas.





1.7 Justifikasi Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat dengan pendidikan tingkatan empat dan lima, khasnya bagi mata pelajaran Ekonomi Asas. Maklumat dari kajian ini akan dapat membantu bahagian sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan dalam pelaksanaan dasar-dasar pendidikan mata pelajaran Ekonomi Asas secara berkesan.

Dapatan dari kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian pihak sekolah dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ekonomi di peringkat SPM. Perkara-perkara seperti jadual waktu, beban tugas guru ekonomi dan kemudahan

pusat sumber sekolah harus diperbaiki. Sekolah mungkin dapat menggunakan maklumat dapatan kajian ini dalam usaha untuk memberi suasana pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas yang kondusif. Selain itu, diharapkan guru yang mengajar mata pelajaran ekonomi dapat menggunakan maklumat dari kajian ini sebagai panduan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

Bagi golongan pelajar pula, diharapkan dapatan kajian ini dapat mengubah sikap mereka terhadap pembelajaran mata pelajaran ekonomi. Melalui kajian ini juga, ibu bapa dapat memberi galakan kepada anak-anak untuk memberi perhatian sepenuhnya terhadap mata pelajaran ekonomi. Seterusnya, hasil kajian ini diharapkan dapat menolong para penyelidik untuk membuat kajian lanjutan berhubung dengan pendidikan ekonomi di peringkat sekolah dan juga institusi pengajian tinggi.





1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Antaranya ialah jumlah populasi kajian adalah terbatas kerana hanya terdapat dua buah sekolah menengah sahaja di kawasan kajian. Walau bagaimanapun, jumlah sampel adalah memenuhi keperluan statistik kajian iaitu mematuhi seperti yang disarankan dalam jadual Krejcie Morgan.

Selain itu, skop penyelidikan juga terhad kepada sekolah menengah di kawasan Lukut, Negeri Sembilan yang menawarkan mata pelajaran Ekonomi Asas sahaja. Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat pengambilan pelajar tingkatan empat sebagai proksi tidak akan memberi kesan yang besar terhadap dapatan kajian.



pelajaran Ekonomi Asas di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima. Faktor-faktor tersebut dibataskan kepada tujuh faktor sahaja iaitu latar belakang keluarga pelajar, minat, sikap, pencapaian lalu, guru, persekitaran sekolah, keluarga dan rakan sebaya sahaja.

1.9 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan dengan lebih terperinci supaya dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat tentang penggunaannya oleh pengkaji dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:





1.9.1 Pencapaian

Menurut Mohd Majid Konting (1997), ujian pencapaian dilakukan untuk menilai penguasaan dan pemahaman individu dalam sesuatu bidang. Bahau rangsangan dalam ujian digunakan untuk menilai pencapaian dalam sesuatu bidang yang khusus. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan markah ujian Ekonomi Tingkatan 4 sebagai pencapaian akademik pelajar. Keputusan ini dianalisis berdasarkan gred pencapaian seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Pencapaian pula dikaitkan dengan prestasi akademik dalam peperiksaan yang dikendalikan oleh LPM.

Dalam kajian ini, kumpulan pencapaian bermaksud sejumlah pelajar yang telah diselaraskan mengikut piawai sekolah iaitu kumpulan cemerlang, sederhana, dan



lemah pencapaian berdasarkan kepada keputusan gred dalam peperiksaan tersebut. Bilangan gred A dalam pencapaian peperiksaan menentukan pemilihan kumpulan pelajar cemerlang. Manakala bilangan gred C dan B yang diperoleh dalam peperiksaan menentukan kumpulan sederhana dan kumpulan lemah dipilih berdasarkan bilangan gred D yang diperoleh dalam peperiksaan.

1.9.2 Pelajar

Pelajar atau murid ialah orang yang sedang belajar sama ada secara formal atau tidak formal (Arbak Othman,1994).Pelajar dalam kajian ini merujuk kepada pelajar-pelajar

